

LAPORAN ANHIR LATIHAN INDUSTRI DI  
KESEDAR WILAYAH JELI PASIR DUSUN, JELI  
KELANTAN

NOR ASMAH BINTI MOHD NASIR

Laporan Latihan Industri Diserahkan Kepada

JABATAN EKOLOGI SOSIAL  
FAKULTI PENGURUSAN DAN EKONOMI  
KOLEJ UNIVERSITI SAINS DAN TEKNOLOGI MALAYSIA

2006

1100045572

Perpustakaan

Kolej Universiti Sains dan Teknologi Malaysia (KUSTEM)

LI 34 FPE 2 2006



1100045572

Laporan akhir latihan industri di Kesedar Wilayah Jeli Pasir Dusun, Jeli Kelantan / Noraini Mohd Ariffin.



PERPUSTAKAAN

KOLEJ UNIVERSITI SAINS & TEKNOLOGI MALAYSIA  
21030 KUALA TERENGGANU

1100045572

1100045572

Lihat sebelah

HAK MILIK  
PERPUSTAKAAN KUSTEM

**LAPORAN AKHIR LATIHAN INDUSTRI  
KESEDAR WILAYAH JELI  
PASIR DUSUN, JELI  
KELANTAN**

**Oleh**

**NOR ASMAH BINTI MOHD NASIR  
SARJANA MUDA PENGURUSAN  
(POLISI DAN SEKITARAN SOSIAL)**

Laporan Latihan Industri Diserahkan Kepada

Jabatan Ekologi Sosial  
**Fakulti Pengurusan dan Ekonomi**  
Kolej Universiti Sains Dan Teknologi Malaysia  
(KUSTEM)

2006

1100045572

## PENGESAHAN KEASLIAN LAPORAN

Dengan ini saya **Nor Asmah binti Mohd Nasir**, No. Matrik **UK 9772** mengaku bahawa laporan **Latihan Industri** bagi kursus **SOS 4299** adalah hasil usaha saya sendiri. Segala bentuk penulisan yang terkandung dalam laporan ini adalah merupakan pandangan dan pendapat saya yang berdasarkan kepada pengaplikasikan teori dan pengalaman yang telah dipelajari semasa menjalani latihan industri semata-mata. Fakulti Pengurusan dan Ekonomi (FPE), KUSTEM tidak terikat dengan isi kandungan laporan tersebut.

### Tandatangan



**Nama : Nor Asmah binti Mohd Nasir**

**No. Matrik : UK 9772**

**Tarikh:**

### Disahkan Oleh:



**Dr. Ahmad Bazli bin Shafie**

**Penyelia KUSTEM**

**b/p Pengerusi Latihan Industri**

**Fakulti Pengurusan dan Ekonomi**

**KUSTEM**

## PENGHARGAAN

Dengan nama Allah Yang Maha Berkuasa lagi maha Mengasihi, bersyukur saya ke hadrat llahi kerana dengan limpah dan izinNya, dapat juga saya menjalani Latihan Industri ini dengan jayanya tanpa sebarang masalah. Saya juga dapat menyiapkan buku laporan ini dengan sempurna hasil daripada sepanjang menjalani Latihan Industri di Pejabat Wilayah Jeli/Tanah Merah (KESEDAR). Dengan rasa penuh kesyukuran dan kegembiraan, saya ingin mengucapkan jutaan terima kasih kepada pihak yang terlibat di dalam kejayaan ini.

Terlebih dahulu saya ingin merakamkan ucapan setinggi-tinggi penghargaan di atas semua bimbingan dan dorongan yang telah diberikan selama ini terutamanya kepada Dr Ahmad Bazli b. Shafie selaku penyelia Latihan Industri dan pensyarah-pensyarah bagi kursus Sarjana Muda Pengurusan Polisi dan Sekitaran Sosial.

Setinggi-tinggi penghargaan juga diucapkan kepada semua kakitangan Pejabat Wilayah Jeli (PWJ) kerana sudi menerima kehadiran saya untuk menjalani Latihan Industri di sini. Terutamanya kepada Pengurus Wilayah Jeli Hj Ramli b. Mat Zain, Penolong Pengurus En Wan Johan b. Wan Hassan, En Ismail b. Jusoh, En Mohmad b. Daud, Ketua-ketua unit serta pegawai-pegawai KESEDAR yang lain.

Tidak lupa juga kepada pegawai yang menyelia saya iaitu Ketua Unit Pembangunan Sosial dan Institusi iaitu Hj Wan Ramli b. Wan Ibrahim dan Penolong Penyelia En Mohd Faudzi b. Abd Rahman di atas peluang yang diberikan kepada saya sebagai pelajar praktikal Latihan Industri.

Jutaan terima kasih juga kepada keluarga saya yang telah banyak memberi sokongan moral selama ini. Tidak lupa juga kepada rakan seperjuangan yang telah sama-sama mengharungi tanggungjawab sebagai seorang pelajar.

Sekalung budi dan terima kasih yang tidak terhingga sekali lagi diucapkan kepada semua yang terlibat secara langsung atau tidak langsung dalam penyedian Laporan Latihan Industri ini. Sesungguhnya yang baik itu datangnya dari Allah s.w.t dan yang buruk itu adalah kelemahan diri saya sendiri. Wassalam.

## **RINGKASAN EKSEKUTIF**

Pejabat KESEDAR Wilayah Jeli merupakan salah satu organisasi di bawah Kementerian Kerajaan yang terdapat di negeri Kelantan yang bertanggungjawab dalam menentukan pembangunan daerah Jeli/Tanah Merah dalam usaha meningkatkan taraf hidup dan membasmi kemiskinan daerah tersebut. Di samping itu, Pejabat Daerah Muar juga berperanan membantu membangunkan kesejahteraan hidup masyarakat setempat.

Pejabat ini diketuai oleh Pengurus Pejabat Wilayah Jeli Hj. Ramli Mat Zain Beliau dibantu oleh Penolong Pengurus En Wan Johan bin Wan Hassan Ketua-ketua Unit iaitu Unit Pentadbiran dan Kewangan, Unit Pembangunan Social dan Institusi, Unit Ekonomi dan Skim Program Kesejahteraan Rakyat (SPKR) dan Unit INFRA dan Kontrak serta Pegawai-pegawai KESEDAR yang lain.

Tidak dapat dinafikan bahawa setiap organisasi memiliki masalahnya yang tersendiri. Antara permasalahan yang wujud di dalam organisasi ini serba sedikit akan mempengaruhi proses operasinya dan menyebabkan tugas-tugas yang dijalankan tidak akan berjalan dengan lancar. Antara permasalahan yang wujud di sini adalah melibatkan tenaga kerja dan juga sistem pelaksanaan tugas setiap kakitangan yang terbantut akibat daripada corak pengurusan yang kurang efektif. Sehubungan dengan itu, beberapa cadangan untuk menyelesaikan masalah tersebut telah diberikan dan diharap agar pihak Pejabat Wilayah Helu (PWJ) dapat meneliti dan menilai semula cadangan yang telah diberikan.

Bagi diri pelatih, Latihan Industri ini merupakan satu program yang bersifat positif kepada semua pihak. Latihan Industri yang dijalankan merupakan satu permulaan yang baik bagi seseorang pelajar dalam menyesuaikan diri terhadap persekitaran kerja yang sebenar. Pemilihan organisasi yang tepat dan bersesuaian dengan bidang kursus yang diikuti oleh pelajar merupakan satu perkara yang perlu ditekankan.

Secara keseluruhannya, Latihan Industri ini banyak mendedahkan pelatih terhadap keadaan sebenar di dalam pengurusan sesebuah organisasi. Pengalaman dan ilmu yang telah diperolehi daripada 12 minggu menjalani Latihan Industri ini sememangnya banyak memberikan gambaran yang sebenar terhadap situasi di alam pekerjaan. Diharapkan latihan seumpama ini akan diteruskan dan diperluaskan skopnya.